# Dr Harun pengerusi Mesyuarat Pagi UMS di UMS-KAL

UB 28-09-2012 A2

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Harun Abdullah telah mempengerusikan Mesyuarat Pagi UMS kali ke-155 di Bilik Seminar UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) petang kelmarin.

Beliau yang juga Naib Canselor UMS ke-4 berkata, beliau mahu mengadakan Mesyuarat Pagi UMS kali pertama di UMS-KAL selepas dilantik sebagai Naib Canselor UMS yang baru.

Turut hadir Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof Dr Shahril Yussof (Penyelidikan dan Inovasi).



**HARUN (tujuh dari kanan) bersama para pegawai utama dan ahli Mesyuarat Pagi UMS yang diadakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan.**

Hadir sama Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari, Rizal Othman, Ketua Pustakawan, Dg Rukiah Amit dan Pemangku Pengarah UMS-KAL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim.